

backpage

frontpage






MASJID BAITURRAHMAN ALAM SARI, KAJANG, SELANGOR




Dari Rasulullah S.A.W. bersabda:
"Barangsiapa yang membangunkan masjid
kerana Allah S.W.T. walaupun hanya sebesar
sangkar burung atau lebih kecil dari itu,
Allah S.W.T. akan bangunkan untuknya
sebuah rumah di Syurga! "
(Hadith riwayat Muslim).



Masjid Biturrahaman





Pembinaan
Masjid
Baiturrahman
Alam Sari,
Kajang.




ILUSTRASI
Masjid
Baiturrahman



TINTA MINDA

Ir. Dr. Muhammad Fuad Bin Abdullah
PENAUNG/PENASIHAT

Jawatankuasa Penaja
Masjid Baiturrahman

**Segala kepujian bagi Allah SWT.
Selawat dan salam ke atas Nabi Junjungan Muhammad S.A.W.**

Muslimin dan Muslimat,

Sebaik Nabi (saw) tiba di Madinah dari Mekah, Baginda memilih tapak Masjid Nabawi yang dimiliki Bani An-Najjar. Sabda Baginda (saw):

“يا بني النجار، ثامنوني حائطكم هذا”

bermaksud, “Wahai Bani An-Najjar, hargakan bagiku tanah ini?” Jawab mereka:

“لا والله يا رسول الله، لا نطلب ثمنه إلا من الله”

bermaksud, “Tidak sekali, demi Allah! Wahai Rasulullah, kami tidak meminta harganya melainkan dari Allah!” (Riwayat al-Bukhari).

Dengan jawapan Bani An-Najjar itu maka berlakulah waqaf masjid yang kedua dalam Islam setelah waqaf pertama beberapa hari sebelumnya di Masjid Quba’.

Apabila orang Islam semakin ramai dan Masjid Nabawi tidak dapat lagi menampung bilangan jemaah, Nabi (saw) bersabda,

“من يشتري بقعة آل فلان فيزيدها في المسجد بخير منها في الجنة”

bermaksud, “Siapakah yang akan membeli sekeping tanah keluarga fulan dan menambahnya kepada Masjid Nabawi dengan balasan yang lebih baik dalam syurga?” Saidina Othman bin Affan telah mendahului para Sahabah membeli tanah tersebut dengan nilai dua puluh lima ribu dirham dan diwaqafkan bagi pembesaran Masjid Nabawi (Riwayat at-Tirmidhi dan An-Nasai’).

Demikianlah para Sahabah Nabi (saw) berlumba-lumba untuk berwaqaf. Waqaf merupakan jenis sedekah yang paling bermanfaat, afdhal dan paling tinggi ganjarannya di sisi Allah Taala. Sahabi Jabir bin Abdullah r.a. berkata bahawa tiada seorang pun dari para Sahabah Nabi (saw), Muhajirin mahupun Ansar yang ada kudrat untuk berwaqaf melainkan telah berwaqaf. Berkata Imam Asy-Syafie bahawa beliau telah dimaklumkan terdapat seramai 80 orang Sahabah Nabi (saw) dari kalangan Ansar yang telah berwaqaf.

Harta yang diwaqaf adalah sedekah jariah yang dinyatakan dalam Hadith riwayat Muslim:

“إذا مات العبد أنقطع عمله إلا من ثلاث: صدقة جارية، أو علم ينتفع به، أو ولد صالح يدعو له”

bermaksud, “Apabila meninggal seseorang hamba itu terputuslah amalannya melainkan tiga perkara - sedekah jariah, ilmu yang dimafaatkan atau anak soleh yang mendoakan.”

Waqaf membina masjid dapat memberikan manfaat berpanjangan kepada ummat sejagat dan masyarakat setempat apabila masjid bukan sahaja menjadi pusat menunaikan solat dan ibadat, malah boleh menjadi pusat ilmu, pusat dakwah, pusat kesihatan, pusat riyadah, dan pusat pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Sedekah tidak akan mengurangkan harta kita seperti sabda Nabi (saw) riwayat Muslim:

“ما نقصت صدقة من مال”

yang bermaksud, “Tidaklah sedekah itu mengurangkan harta.”

Waqaf adalah sedekah yang paling bermanfaat, afdhal dan paling tinggi ganjarannya di sisi Allah Taala serta tidak mengurangkan harta kita barang sedikit pun.

Selamat berwaqaf!




ILUSTRASI
Masjid
Baiturrahman



PENA BICARA

Dato Sayed Jaafar Sayed Ibrahim
PENGERUSI
Jawatankuasa Penaja
Masjid Baiturrahman

Assalamualaikum W.B.T

Saya doakan semua Muslimin & Muslimat berada di bawah Rahmat dan Kasih Sayang Allah S.W.T.

Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya, *sesiapa yang menunaikan hajat saudaranya, maka Allah S.W.T akan melaksanakan hajatnya dan sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang muslim, maka Allah S.W.T akan melapangkan kesukarannya di Hari Kiamat!*

Adalah menjadi hajat lebih 20,000 penduduk di Alam Sari, Kajang untuk memiliki sebuah masjid sebagai pusat Ibadah berjemaah selain sebagai pusat penyatuan masyarakat. Kita sedia maklum, Masjid bukan hanya tempat untuk kita bersolat, tetapi fungsi masjid adalah lebih dari itu! Justeru, dengan adanya Masjid di Alam Sari, ia bakal menjadi pusat menyemai benih-benih Iman serta ketaqwaan selain ia juga akan menjadi pusat menyemarakkan semangat persaudaran serta kemasyarakatan di kalangan penduduk setempat.

Dikenali dengan Masjid Baiturrahman, Masjid ini bakal menjadi mercu tanda Islam di Alam Sari dan kawasan sekitarnya.

Saya ingin merafakkan kesyukuran kepada Allah dan memanjangkan ucapan terima kasih saya kepada semua yang telah bermurah hati dengan sepenuh keikhlasan menyumbang kepada Tabung Pembangunan Masjid Baiturrahman Alam Sari.

Sumbangan anda semua adalah nadi utama kepada merealisasikan pembangunan Masjid Baiturrahman ini. Kami mengharapkan sumbangan yang berterusan daripada semua pihak terutama sekali daripada Badan-badan Korporat serta Badan-badan NGO.

Sesungguhnya, Inilah pelaburan akhirat yang kita idam-idamkan selama ini! bayangkan pahala akan menderu-deru masuk setiap kali manusia bersujud di dalam masjid ini, setiap ayat Al Quran yang dibaca dan dihafal serta setiap amalan kebaikan yang diamalkan oleh para jemaah, anda turut mendapat pahala selama-lamanya. Semoga sumbangan anda di berkati Allah S.W.T.



MERCU TANDA ALAM SARI

Masjid Baiturrahman
adalah **simbol**
keagungan Islam
di Alam Sari, Kajang
sekaligus menjadi
Institusi Penghayatan
Islam untuk
masyarakat setempat.





FASILITI IBADAH LENGKAP

MASJID BAITURRAHMAN
AKAN DILENGKAPI DENGAN
DEWAN PELBAGAI GUNA,
DEWAN-DEWAN KULIAH, GIMNASIUM,
KIOSK EKONOMI, BILIK JENAZAH,
KUARTERS IMAM DAN BILAL,
BILIK MESYUARAT SERTA
PELBAGAI LAGI KEMUDAHAN
SEKALIGUS MEMENUHI KEPERLUAN
KOMUNITI PENDUDUK ALAM SARI
DAN SEKITARNYA YANG
BERJUMLAH LEBIH 20,000 ORANG!





Kapazität
Jamaah
dalam
satu
masa

4000



ILUSTRASI 1.0
*Rekaan Dalam
Masjid Baiturrahman*

The image shows the interior of a mosque with a high ceiling featuring a complex geometric lattice pattern. Large windows with similar lattice designs allow light to filter through, creating a patterned effect. A man in a dark jacket and white cap is sitting on the floor in the foreground, looking at a device. In the background, other people are seated at small tables near the windows. The overall atmosphere is calm and contemplative.

Ruang ibadah selesa sesuai untuk pelbagai peringkat umur

ILUSTRASI 2.0
Rekaan Dalam
Masjid Baiturrahman





MENYEMARAKKAN
**PROGRAM ILMU
& KULIAH UMUM**

Dilengkapi
dengan dewan
kuliah yang
bakal menjadi
pusat penyebaran
ilmu yang
bermanfaat.





MENCETUS PERUBAHAN UMMAH

Masjid Baiturrahman akan menginspirasi anjakan paradigma masyarakat setempat dengan memberi ruang penganjuran pelbagai aktiviti dengan penerapan konsep **'Hablu Minallah'** (hubungan dengan Allah) dan **'Hablu Minannas'** (hubungan sesama manusia), sekaligus mengajak masyarakat berubah kearah kecemerlangan secara total berdasarkan konsep **'Hayya 'Alal Falah'** (Mari menuju kejayaan).





MEMACU **EKONOMI UMMAH**

Masjid Baiturrahman juga akan dilengkapi dengan kiosk ekonomi dan ruang niaga lengkap untuk Ummat Islam bermuamalat.



The image is an architectural rendering of a large, modern mosque complex. The main building features a prominent green dome and a tall, slender minaret on the left side. The architecture is a blend of traditional Islamic motifs with contemporary design elements. The scene is set in a bright, clear sky, with a paved area in the foreground containing several cars and a few people walking, suggesting a functional and accessible community center. The overall aesthetic is clean and professional.

ONE STOP CENTRE MASYARAKAT SETEMPAT

Dengan fasiliti yang bersifat pragmatik, Masjid Baiturrahman akan menjadi pusat sehenti dengan pelbagai faedah untuk masyarakat setempat.



MEMAYUNGI INSTITUSI KEKELUARGAAN

Kemudahan seperti dewan pelbagaiguna akan membolehkan penduduk setempat menganjurkan pelbagai acara kekeluargaan termasuklah majlis pernikahan, perkahwinan, hari keluarga dan pelbagai lagi acara keraian.

ILUSTRASI 4.0
*Rekaan Dalam
Masjid Baiturrahman*



MENYANTUNI YANG TELAH PERGI

Masjid
Baiturrahman
akan menjadi
pemudahcara
untuk sebarang
urusan kematian
dan
pengkebumian
membabitkan
masyarakat
setempat




ILUSTRASI 5.0

*Rekaan Dalam
Masjid Baiturrahman*

“ Pahala berterusan menanti sesiapa yang menyumbang kepada pembinaan sesebuah masjid selagi mana manusia bersujud dan beribadah di masjid itu, InsyaAllah. ”

Ustaz Elyas Ismail

Duta Masjid Baiturrahman



ALAM SARI

20,000

penduduk

99.5%

beragama
Islam



SOSIO EKONOMI PENDUDUK ALAM SARI

PEKERJA AWAM

Kakitangan
Kerajaan,
Pensyarah,
Guru.

PEKERJA SWASTA

Pegawai Bank,
Pengurus,
Staff GLC,
Pekerja Am,
& lain-lain

PESARA

LAIN-LAIN PEKERJAAN

Bekerja Sendiri.
Berniaga,
Perunding,
& lain-lain

KEMUDAHAN ASAS DI ALAM SARI

Taman Permainan Kanak-Kanak
(Di Setiap Fasa)

Trek Jogging & Senaman/
Canal Park

Tapak Sekolah & Tapak Tadika


Tapak Dewan Orang Ramai

Surau





KELUASAN TAPAK
3.5 Ekar



Lokasi
Masjid
Baiturrahman



**ALAM
SARI**

Kos pembinaan Masjid Baiturrahman
menelan belanja sebanyak
RM25,000,000.00
dan dibina sepenuhnya hasil
sumbangan dan infaq orang ramai.



Dari Rasulullah S.A.W
bersabda:

"Sedekah itu **tidak akan mengurangi harta.** Tidak ada orang yang memberi maaf kepada orang lain, melainkan Allah akan menambah kemuliaannya. Dan tidak ada orang yang merendahkan diri karena Allah, melainkan Allah akan mengangkat darjatnya."

(HR Muslim : 4689)

ILUSTRASI 6.0
*Rekaan Dalaman
Masjid Baiturrahman*



**“Sedekah tidak akan
membuatkan mu miskin!”**

Sedekah itu tidaklah mengurangi harta
- H.R. Muslim -


ILUSTRASI
Masjid
Baiturrahman



AHLI JAWATANKUASA PENAJA

Pembinaan Masjid Baiturrahman



PENASIHAT
Ir. Dr. Muhamad Fuad
Bin Abdullah



PENGERUSI
Dato'Sayed Jaafar
Sayed Ibrahim



**TIMBALAN
PENGERUSI**
Laksamana Muda (B)
Dato'Fadzilah
Mohd Salleh



SETIAUSAHA
Hafidz
Haji Abdul Kudus



**TIMBALAN
SETIAUSAHA
(Pengurusan)**
Dr. Shafie Mustafa



**TIMBALAN
SETIAUSAHA
(Teknikal)**
Sr. Hamidul Ghazali
Mohamed



BENDAHARI
Mohd Tariq
Mohamed



**TIMBALAN
BENDAHARI**
Razi Bin Jaafar



**KETUA UNIT
TEKNIKAL**
Mohamed Nazri
Mohamed Nasir



**KETUA UNIT
TEKNOLOGI
MAKLUMAT**
Zabidi Jamil



**KETUA UNIT
WAQAF**
Haji M Rasdhan
Bin Hj Baba



**KETUA UNIT
PERUNDANGAN**
Haji Wan Shaifuddin
Ab Wahid



DOKUMENTASI

Surat kelulusan
pembinaan masjid oleh
Jabatan Agama
Islam Negeri Selangor
(JAIS)



جَبَاتَانِ اِغَامَا اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

Tingkat 1, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3600
Faks : 03-5510 3368
Laman Web : www.jais.gov.my
Emel : info@jais.gov.my



Ruj. kami : JAI.Sel.BPM/01/018/7 ()
Tarikh : 7 Jamadilawal 1441H
3 Januari 2020M

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ



Jawatankuasa Pembangunan
Masjid Baitur Rahman,
Lot 22864, Jalan Sari Ilmia, Alam Sari,
43000 Kajang, Selangor.

Tuan,

KELULUSAN PERMOHONAN MEMBINA MASJID BAITUR RAHMAN JALAN SARI ILMIA, ALAM SARI 43000 KAJANG SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa *Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid Dan Surau Negeri Selangor Bil.6/2019 pada 13 Disember 2019* telah bersetuju memberi kebenaran dan meluluskan permohonan tuan secara bersyarat untuk membina sebuah Masjid tetap di atas kawasan rezab Masjid Baitur Rahman

3. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut :-

- 3.1 Pengesahan Arah Qiblat (Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Tingkat 7&8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, No. Telefon: 03-55143718 / 3717).
- 3.2 Membuka akaun wakaf khas pembinaan surau di Perbadanan Wakaf Selangor
- 3.3 Memasukkan keseluruhan hasil kutipan dan dana sumbangan ke dalam akaun wakaf khas pembinaan surau di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).
- 3.4 Mengemukakan dan mendapatkan kelulusan susunatur pelan bangunan daripada Unit Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

CEKAP, CEPAT DAN BERKUALITI



ISO 9001 REGISTERED
SERVIS KUALITI

KELULUSAN PERMOHONAN MEMBINA MASJID BAITUR RAHMAN JALAN SARI ILMIA, ALAM SARI 43000 KAJANG SELANGOR


- 3.5 Kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya boleh dimohon setelah dana pembinaan mencapai 50% dari kos projek.
 - 3.6 Pelan-pelan kebenaran merancang dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mendapat tandatangan daripada pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
 - 3.7 Kerja-kerja tanah di tapak pembinaan hanya boleh dimulakan setelah Kebenaran Merancang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - 3.8 Memaklumkan dan mendapatkan kebenaran semula jika terdapat sebarang pindaan terhadap cadangan dan juga pelan kebenaran merancang.
 - 3.9 Kelulusan ini hanya diberikan bagi tempoh 3 tahun sahaja dari tarikh kelulusan dikeluarkan. Permohonan semula hendaklah diajukan kepada pihak JAIS untuk tujuan penyambungan Senarai Ahli Jawatankuasa Penaja Pembangunan.
 - 3.10 Kelulusan ini boleh ditarik balik sekiranya pihak tuan gagal mematuhi terma yang ditetapkan oleh pihak MAIS dan JAIS seperti yang dinyatakan dalam surat ini.
4. Bersama-sama ini disertakan senarai Jawatankuasa Penaja Pembangunan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor Bil.6/2019 dan Carta Alir Pembinaan Dan Pendaftaran Masjid Dan Surau Negeri Selangor untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian dimaklumkan, wassalam

“ SELANGOR MAJU BERSAMA ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAZMAN BIN CHE MOHAMED)
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Masjid
b.p Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor



Rutinkanlah
BERSEDEKAH
supaya hidup
lebih **BERKAH!**


ILUSTRASI
Masjid
Baiturrahman






SUMBER PEMBIAYAAN

SUMBER PEMBIAYAAN
BAGI PEMBINAAN
MASJID BAITURRAHMAN
ADALAH MELALUI DANA
KUTIPAN DALAM
BENTUK SUMBANGAN,
DERMA, ZAKAT DAN
SAHAM WAKAF BANGUNAN.
SEMUA BENTUK KUTIPAN
AKAN DIBERIKAN RESIT/
SIJIL WAKAF YANG
DI KELUARKAN OLEH PIHAK
MASJID BAITURRAHMAN.

SUMBANGAN MELALUI AKAUN
Tabung Pembinaan Masjid Baiturrahman

562263556302

 **Maybank Islamic**

12100001363712

 **Bank Muamalat**

12029010086558

 **Bank Islam**

SUMBANGAN SECARA ONLINE
www.baiturrahman.my



Ustaz Elyas Ismail
Duta Masjid Baiturrahman



RASULULLAH S.A.W BERSABDA;

“Sesiapa yang menunaikan hajat saudaranya, maka Allah S.W.T akan melaksanakan hajatnya dan sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang muslim, maka Allah S.W.T akan melapangkan kesukarannya di Hari Kiamat”

[Hadith Riwayat Al-Bukhari, No.2442, 6901, Muslim, No.2580]





Pengurusan Masjid Baiturrahman
C/O Surau Al Amin Alam Sari
Jalan Sari Ilmia 2
Alam Sari
43000 Kajang


Email : info@baiturrahman.my

016-5977458 (Pengerusi)

012-3388864 (Ketua Setiausaha)

017-7707001 (Bendahari)

019-3303786 (Unit Waqaf)

 Masjid Baiturrahman Alam Sari
www.baiturrahman.my

